KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	30/10/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:	16
JABATAN	:	PERHILITAN			

Lelaki prihatin bantu monyet kaki parah

HM 30 Okt 2021_16

Putrajaya: Keprihatinan yang begitu menebal terhadap haiwan mendorong seorang penduduk di Jenderam Hilir, Dengkil di sini menyelamatkan seekor monyet liar yang cedera parah.

Lelaki terbabit, Marzulki Amirudin, 30-an, berkata, monyet liar itu yang ditemui berhampiran kediamannya itu seolah-olah menagih pertolongan apatah lagi dalam keadaan kaki kanannya cedera parah hingga menampakkan tulang.

Menurutnya, haiwan itu dilihat mengalami kecederaan parah pada kedua-dua tangan dan kaki berkemungkinan terkena jerat atau dilanggar kenderaan.

Katanya, dia kemudian memberi makanan kepada haiwan itu bertujuan mengumpan dan membantu merawat kecederaan dialami haiwan itu.

"Hasil perkongsian di Facebook, saya berjaya bertemu individu berpengalaman menangkap haiwan liar dikenali sebagai Francis Yirdaki dari Klang, Selangor.

"Francis sanggup mengharungi perjalanan jauh ke rumah saya semata-mata mahu membantu menyelamatkan monyet liar itu.

"Proses menangkap haiwan itu tidak sukar kerana monyet berkenaan terkepung di dalam pagar rumah," katanya.

Menurutnya, monyet yang berjaya ditangkap itu kemudian diberikan rawatan di klinik Claws Veterinary Bandar Botanik Klang dan kos rawatan ditanggung Doktor Nesa yang merawat haiwan itu.

Rata-rata netizen yang melihat perkongsian itu di laman sosial Facebook turut berterima kasih dengan keprihatinan Persatuan Haiwan Malaysia dan pelbagai pihak yang bersama-sama menyelamatkan monyet malang itu.

Proses menangkap haiwan itu tidak sukar kerana monyet berkenaan terkepung di dalam pagar rumah"

Marzulki



KEADAAN seekor monyet yang mengalami kecederaan sebelum dibantu individu bagi mendapatkan rawatan.